

04/05/1999

6 agensi tidak belanja peruntukan projek (HL)

Zulkofli Jamaluddin; Faizal Fadzil

BANGI, Isnin - Walaupun sudah masuk Mei, enam agensi kerajaan dikesan masih belum membelanjakan satu sen pun peruntukan pembangunan dalam suku pertama tahun ini.

Agensi itu adalah antara 16 daripada 34 jabatan dan kementerian yang didapati kurang berbelanja (short fall) antara 50 hingga 100 peratus bagi peruntukan pembangunan sejak Januari hingga Mac lalu.

Perkara ini didedahkan Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin, ketika membentangkan kertas kerja bertajuk 'Peranan Pegawai Daerah Dalam Pemulihan Ekonomi' pada Persidangan Pegawai-Pegawai Daerah di sini, hari ini.

Persidangan dua hari itu dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Kira-kira 230 pegawai daerah dan ketua jabatan serta agensi kerajaan hadir. Turut sama, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali.

Malah, Dr Mahathir dalam ucapannya berkata setiap tahun 25 hingga 30 peratus daripada peruntukan pembangunan tidak dibelanjakan.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mahu sistem pentadbiran kewangan kerajaan dikaji semula agar peruntukan dapat berjalan lancar ke peringkat pembayaran.

Beliau berkata, proses sistem kewangan sekarang yang diwarisi sejak pentadbiran British, terlalu perlahan sehingga sebahagian peruntukan tidak dibelanjakan pada penghujung tahun.

"Proses pengeluaran duit mengambil masa. Sebab itu bulan pertama tidak dibelanjakan, bulan kedua belanja sedikit dan bulan ketiga tambah sikit lagi. Apabila sampai tiga bulan terakhir, masa itu kita dapati banyak duit tidak dibelanjakan," katanya.

Dr Mahathir berharap pegawai daerah dapat menyuarakan pandangan mengenai sistem kewangan berkenaan supaya setiap perancangan kerajaan dapat dilaksanakan secara berkesan bagi memulihkan ekonomi negara.

Perdana Menteri berkata, kajian semula itu juga penting kerana peruntukan yang dibelanjakan pada pentadbiran British kecil tetapi sekarang, lebih RM80 bilion diperuntukkan bagi separuh penggal Rancangan Malaysia.

Beliau mahu pegawai daerah memastikan pembayaran bagi pelaksanaan projek pembangunan, dibuat seberapa segera.

"Kita tolong rakyat dan tolong pulihkan ekonomi. Inilah yang penting. Sudah tentu di peringkat kementerian, kita perlu juga menjalankan proses mengedar duit secepat mungkin.

"Kalau ada sebab yang mengganggu pengedaran duit, kita perlu kaji mengapa dia lambat dan atasi masalah itu," katanya.

Menurut Dr Mahathir, ekonomi tidak akan tumbuh sekiranya duit yang dimiliki disimpan dan tidak dibelanjakan.

Daim dalam kertas kerjanya bagaimanapun berkata dalam tempoh suku pertama tahun ini, perbelanjaan mengurus pula lebih memuaskan apabila 20 peratus daripada jumlah peruntukan sudah dibelanjakan.

"Kalau short fall dalam perbelanjaan pembangunan ketara dan sebaliknya tidak ada short fall dalam belanja mengurus, ini bermakna ramai pegawai kerajaan tidak cekap atau tidak menjalankan tugas yang ditetapkan.

"Dari sudut mana pun dilihat, ia menunjukkan bahawa kita tidak menjalankan tugas dengan baik. Maka, kita perlu mengatasi segera perkara ini dan membuktikan pada dunia bahawa kita adalah perancang yang baik dan

pengurus serta pentadbir yang cekap," katanya.

Daim menegaskan kerajaan tidak akan membiarkan perkara itu berterusan dan beliau sendiri akan memanggil setiap kementerian untuk mendapatkan penjelasan mengapa perkara itu berlaku.

Beliau berkata, Exco Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang bermesyuarat pada 23 April lalu, merumuskan supaya setiap kementerian menubuhkan Jawatankuasa Tindakan Pembangunan yang dipengerusikan menteri masing-masing untuk meneliti kemajuan dan permasalahan dalam pelaksanaan projek pembangunan.

Katanya, Perbendaharaan juga diarah meneliti mengapa "short fall" projek perbelanjaan pembangunan begitu ketara dan diminta bekerjasama dengan unit berkaitan seperti Unit Perancang Ekonomi (EPU).

(END)